



Coming soon in June 2023. NewspaperSG will be refreshed with a new look and user experience. Stay tuned!

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 6 March 1963 > Page 2 > Sultan merasmikan sa-buah lagi pusat bekalan ayer

Sultan merasmikan sa-buah lagi pusat bekalan ayer

Berita Harian, 6 March 1963, Page 2

Article also available on Microfilm Reel NL3201

Scroll to Top

Previous Article

Next Article

Previous Page

Next Page

Sultan merasmikan sa-buah lagi pusat bekalan ayer

KUALA LUMPUR, Thalatha.

KERAJAAN Negeri Selangor akan meluaskan lagi ranchangan2 mendirikan pusat2 perbekalan ayer untuk memenuhi keperluan penduduk2 dalam daerah2 yang sa-lama ini belum mendapat perbekalan ayer.

Demikian di-tegaskan oleh Menteri Besar, Dato Abu Bakar Baginda, dalam upacara merasmikan pusat perbekalan ayer di-Cheras hari ini.

Perbekalan ayer itu telah dirasmikan oleh Baginda Sultan Selangor.

Perbekalan ayer Cheras itu akan memenuhi keperluan penduduk2 bandar Kajang dan daerah2 kampung sekitar-nya serta kampung2 baharu termasuk Cheras, Serdang Baharu, Belakong, Sungai Chua dan Sungai Ramal yang bertahun2 lama-nya menderita kekurangan ayer.

Dato Bakar berkata bahawa hatta sa-belum ranchangan 5 tahun yang kedua di-lanchar-

Information



Newspaper: Berita Harian
Date: 6 March 1963
Reel Number: NL3201

Share

Table of Contents

Previous Page 2 Next Page

TA' PUTUSKAN MENUNTUT KEPULAUAN RIAU DARI INDONESIA

TA' PUTUSKAN MENUNTUT KEPULAUAN RIAU DARI INDONESIA BATU PAHAT, ThaUtha.— Fennh*


2 kereta hilang

2 kereta hilang SINGAPURA. Thaiatha:— Sa-buata lagi motor kar dan sa-buah lori telah di-churi di-Singapura

Perajurit2 menderma kpd Jaidi

Perajurit2 menderma kpd Jaidi I/UALA LUMPUR, Ttaalatha. —Sa-ramai lima orang anggota Tentera Udara

View Full Table of Contents




kan, Kerajaan Selangor telah menguntokkan wang yang banyak untok mengadakan perbekalan ayer yang sa-chukupnya di-Negeri ini.

Di-bawah ranchangan pembangunan, Kerajaan Selangor telah menguntokkan kira2 \$60 juta untok perbekalan ayer.

Beliau telah menyebut ranchangan perbekalan ayer ka-Bukit Badong dan Sungai Ijok, pusat perbekalan ayer Klang dan ranchangan melipat gandakan perbekalan ayer di-daerah Kuala Langat.


Perbekalan



Di-daerah Ulu Selangor, perbekalan ka-Kuala Kubu Baharu telah di-baikki.


Pusat perbekalan ayer Cheras akan mengeluarkan sa-jumlah 4 juta gelen sa-hari dan akan di-tambah hingga 6 juta gelen sa-hari.

Menteri Kerja Raya, Pos don Talikom, Dato V.T. Sambanthan berkata bahawa pada masa ini 145 pusat perbekalan ayer sedang di-selenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya.



Pusat perbekalan ayer itu memenuhi keperluan lebih dari 2,700,000 orang penduduk dan jumlah ayer yang di-keuarkan oleh pusat2 itu sa-lah 85 juta gelen sa-hari.

Menurut Dato Sambanthan lagi, dalam ranchangan 5 tahun Kerajaan, perbelanjaan pokok sa-banyak \$250 juta telah di-untokkan kepada ranchangan2 untokkan kepada ranchangan2 perbekalan ayer.



Daripada peruntokan itu, sa-jumlah \$140 juta telah di-untokkan kepada Kerajaan2 Negeri sa-chara wang pinjaman atau pemberian tunai, katanya.

Related Articles

No related article found.



